



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MYSA SALURKAN IMEJ SATELIT DAN DRON UNTUK MEMBANTU PEMANTAUAN SERTA PEMULIHAN PASCA BANJIR

PUTRAJAYA, 20 DISEMBER 2021 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) secara berterusan menyediakan imej satelit di kawasan-kawasan yang dilanda banjir di seluruh negara menerusi penyaluran maklumat dan analisis imej-imej satelit secara atas talian yang boleh diakses agensi-agensi yang terlibat dengan pengurusan banjir negara.

Sistem atas talian yang dimaksudkan adalah Sistem Maklumat dan Logistik Banjir berteraskan Teknologi Angkasa, Sistem Maklumat Geografi, Sistem Penentududukan Global dan ICT yang telah dibangun serta dioperasikan dengan usahasama Pusat Kawalan Bencana Negara di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, beberapa kawasan di Selangor terjejas teruk akibat banjir. Sebagai contoh di Seksyen 24, Shah Alam, Selangor, cerapan imej satelit (rujuk Lampiran A) menunjukkan keadaan sebelum banjir dan keadaan ketika kawasan ini dilanda banjir. Hasil cerapan imej satelit menunjukkan keluasan litupan banjir adalah kira-kira 5.1 kilometer persegi di Seksyen 24, Shah Alam. Ini adalah contoh maklumat yang boleh diperolehi agensi-agensi pengurusan bencana yang diberi akses secara atas talian oleh MYSA untuk kegunaan pemulihan pasca banjir.


Usaha ini telah dilakukan secara berterusan bermula bulan Jun 2021 sebagai persiapan menghadapi musim tengkujuh sehingga ke hari ini bagi membantu persediaan agensi-agensi pengurusan bencana termasuk menyalurkan maklumat kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk merancang persediaan serta memantau bencana.

Selain itu, antara tindakan lain yang diambil MYSA termasuklah menyediakan imej satelit sebelum dan selepas bencana bagi tujuan perancangan, pemantauan dan mitigasi serta memberi analisis pasca bencana (*post disaster*) bagi kawasan terlibat menerusi analisis terperinci dengan mengenalpasti kerosakan. Selain imej satelit, pasukan dron khas MYSA juga turut digerakkan untuk memantau kawasan banjir dan mengumpul maklumat serta imej dengan kebenaran.

Sehingga hari ini, MYSA secara terus-menerus mendapatkan imej-imej satelit terkini berkaitan bencana. MYSA komited untuk terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang memerlukan maklumat cerapan imej satelit khususnya bagi usaha pemulihan bencana banjir.

Untuk rekod, MYSA melaksanakan peranan dalam pengurusan bencana negara seperti banjir, tanah runtuh dan kebakaran hutan iaitu selaras dengan Pelan Tindakan Operasi Pengendalian Bencana di bawah Arahan MKN20.

LAMPIRAN A



Rajah 1: Cerapan imej satelit PLEIADES sebelum banjir di Seksyen 24, Shah Alam, Selangor



Rajah 2: Cerapan imej satelit PLEIADES semasa banjir di Seksyen 24, Shah Alam, Selangor